

# Guru terlalu t u m p u kepada peperiksaan

BH / JUL 2001

KUALA LUMPUR, Jumaat - Sistem pendidikan negara yang terlalu berorientasikan peperiksaan, menyebabkan guru tidak sempat memupuk sifat perlu, termasuk sikap ingin tahu di kalangan pelajar.

Tokoh pendidikan, Tan Sri Dr Awang Had Salleh (**gambar**), berkata keadaan itu menyebabkan sistem pendidikan negara lebih mengarahkan pelajar untuk menghafal fakta, tetapi tidak menyelami maksud tersirat.

Tambahan pula, katanya, guru besar serta pegawai pendidikan daerah dan negeri turut memberi penekanan terhadap pencapaian sekolah dalam peperiksaan.

"Sebenarnya sistem pendidikan kita memang sudah lama ditegur kerana a mementingkan aspek kognitif iaitu menghafal fakta kerana terlalu kuat berorientasikan peperiksaan.

"Keadaan ini menyebabkan guru lebih menumpukan perhatian untuk menghabiskan sukatan pelajaran, tidak sempat untuk memupuk sifat seperti berbudi bahasa, bertanggungjawab serta sikap ingin tahu," katanya kepada *Berita Harian*.

Sewaktu menyampaikan ucapan utama di Konvensyen Sains 2001 di Seri Kembangan, semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melahirkan rasa tidak puas hatinya dengan sistem pendidikan sekarang yang kurang memberi penekanan terhadap pembentukan sikap ingin tahu di kalangan pelajar.

Katanya, keadaan itu menyumbang kepada bilangan saintis yang rendah, terutama saintis Melayu, iaitu tujuh orang saja bagi setiap 100,000 penduduk negara ini.

Dr Awang Had berpendapat sikap ingin tahu yang dimaksudkan Dr Mahathir adalah sikap yang diiringi dengan sifat bertanggungjawab.

Katanya, jika sikap bertanggungjawab wujud di kalangan pelajar, mereka tidak akan melayari laman web yang disifatkannya sebagai mengarut.

"Kita tidak mengajar mereka, terutama menerusi pendidikan bahasa, mengenai cara untuk menyemak kebenaran sesuatu maklumat yang diterima termasuk menerusi Internet.

"Teknik menyelidik sesuatu tuduhan dan mencari kesahihan mengenainya perlu diajar, bukan membaca dan terus terima. Guru bertanggungjawab membentuk sikap ini di dalam kelas," katanya.

Sehubungan itu, katanya, sistem latihan perguruan juga perlu dikaji semula supaya guru tidak merasakan tanggungjawabnya hanya untuk menghabiskan sukatan pelajaran, sebaliknya tugas utama adalah mendidik serta memupuk sifat mulia di kalangan pelajar.

Selain itu, katanya, bentuk soalan peperiksaan perlu dikaji dan diubah semula supaya dapat menerapkan elemen ingin tahu di dalamnya.

"Pihak yang amat berkuasa dalam sistem pendidikan mana-mana negara ialah badan peperiksaan. Jadi, bentuk soalan perlu diubah supaya dengan itu kemahiran berfikir dapat diterapkan dalam sistem pendidikan," katanya.